

BENGKEL ENDNOTE:

Cara Mengelakkan Plagiarisme

Penulis: Nurfaizah Kamarudin dan Norlida Ismailly

EndNote merupakan suatu perisian yang bertujuan untuk mengurus dan menyimpan data bagi penghasilan bibliografi. Bibliografi ini penting bagi memudahkan para akademik, penyelidik, dan pelajar dalam mengurus dan menghasilkan senarai rujukan yang digunakan dalam setiap kajian. EndNote ini mempunyai pelbagai gaya dalam penghasilan senarai rujukan, antaranya American Psychological Association (APA), Modern Language Association (MLA), Turabian, Scientific, dan lain-lain.

Pada 4 Disember 2023, jam 2 petang, seramai 22 orang pelajar berkumpul di Makmal Komputer 6, Blok C, UiTM Kampus Samarahan. Para pelajar ini merupakan pelajar semester 1 yang mengambil kod kursus IMC111 Introduction to Information Skills. Subjek ini mendedahkan para pelajar mengenai betapa pentingnya untuk mempunyai kemahiran dalam pencarian maklumat yang efektif dan efisien. Di dalam subjek ini, didedahkan juga dengan penggunaan EndNote bagi memudahkan para pelajar dalam menguruskan dan menghasilkan senarai rujukan.

Program ini juga merupakan aktiviti wajib bagi para pelajar semester 1 untuk mengetahui bagaimana untuk menggunakan aplikasi EndNote secara efektif dan efisien, supaya mereka dapat menggunakan kemahiran ini dalam setiap tugas atau kajian yang diberikan oleh para pensyarah dengan mudahnya dalam menghasilkan senarai rujukan yang berkenaan dengan kajian mereka.



Program ini dimulakan dengan pengenalan kepada plagiarisme oleh En. Dominic Ingg. Beliau merupakan pembantu pustakawan kanan yang mempunyai pengalaman dalam mengajar aplikasi EndNote ini. Plagiarisme ini perlu dibendung sejak mereka di semester 1 lagi, dengan memberi pengenalan, jenis, dan cara mengatasinya. Bagi mengelakkan perkara ini terus terjadi dan semakin berleluasa, maka inisiatif dari perpustakaan yang mengetengahkan penggunaan EndNote ini perlulah disanjung tinggi bagi mengekalkan kualiti kajian para akademik, penyelidik, dan pelajar. Justeru, para pelajar semester 1 perlu

mengeksport hasil carian pangkalan data untuk perisian, antaranya EndNote, RefWorks, ProCite, dan lain-lain. Kelihatan para pelajar berasa teruja sepanjang bengkel ini diadakan dengan ilmu yang dikongsi oleh penceramah berkenaan penghasilan senarai rujukan daripada aplikasi EndNote.

Justeru, dengan adanya aplikasi EndNote ini, membolehkan para pelajar menghasilkan senarai rujukan mengikut format bibliografi yang tertentu mengikut keperluan silibus yang telah digariskan. Di samping memudahkan dalam

mengaplikasikan penggunaan EndNote ini dalam pembelajaran sepanjang zaman.

Aktiviti hands-on dimulakan dengan meminta para pelajar untuk memuat turun dan memasang perisian EndNote di dalam komputer riba masing-masing bagi memudahkan penggunaan perisian ini. Aktiviti diteruskan dengan mengenalkan pangkalan data yang telah dilanggan oleh UiTM, di mana para pelajar diminta untuk memuat turun data .RIS (Research Information Systems). RIS ini adalah format biasa yang digunakan untuk

mencari dan memuat turun sumber rujukan daripada pangkalan data atau katalog perpustakaan secara automatik. Bengkel ini menjadikan para pelajar memahami kepentingan dalam membuat sitasi yang betul dan teratur mengikut format dan jenis yang tertentu dan sekaligus mengelakkan daripada berlakunya plagiarisme. Diharapkan dengan adanya bengkel seperti ini, para pelajar dapat memahami dan menitikberatkan betapa pentingnya mengadakan sitasi yang betul dari sumber yang dipercayai.